

PERTAHANKAN KEMERDEKAAN HAKIKI
26 OGOS 2022
28 MUHARAM 1444M

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Salah satu nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala kepada manusia ialah nikmat kemerdekaan. Kemerdekaan yang sebenar bagi seorang muslim ialah apabila dia bebas menjadikan seluruh kehidupannya semata-mata untuk mentaati Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-An'am ayat 162-163.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحَاجِيَ وَمَمَاقِيفُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ

أَمْرَتُ وَإِنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

Yang bermaksud: “Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang terawal menyerahkan diri (kepada Allah).”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Kita tidak menafikan bahawa secara fizikalnya negara atau tanah air kita telah merdeka dan bebas daripada belenggu penjajah. Kita mampu mentadbir negara mengikut acuan dan kehendak sendiri tanpa dipengaruhi oleh orang lain atau kuasa luar. Namun sedarkah kita bahawa serangan penjajahan masih belum berakhir tetapi hanya berubah bentuk dan sifatnya. Kini muncul pula penjajahan dalam bentuk baru yang lebih merbahaya. Penjajahan yang bertopengkan dasar kesamarataan yang cuba menjajah minda dan budaya masyarakat. Kebudayaan masyarakat negara kita yang berasaskan Islam sebagai agama rasmi diancam melalui penjajahan budaya global yang berteraskan hiburan melampau atau kehidupan bebas. Cara berfikir, bertutur, berpakaian, makan minum, bersukan yang mana masih terpengaruh dengan budaya yang bertentangan dengan Islam.

Janganlah kita merasa rendah diri apabila mengamalkan budaya dan amalan Islam. Hendaklah kita merasa bangga bertutur dalam Bahasa Melayu kerana ia bahasa ibunda kita dan bahasa rasmi negara kita. Tanpa disedari sekarang ini terdapat pemilik-pemilik premis yang lebih mengutamakan penggunaan Bahasa Inggeris dan selain daripada Bahasa Melayu ketika mempromosikan premis mereka.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Musuh-musuh Islam juga mencanangkan bahawa kebebasan individu adalah hak mutlak setiap orang dan tidak terikat dengan undang-undang atau hukum agama. Seseorang itu bebas berbuat apa sahaja selagi tidak menganggu hak orang lain. Kita tidak mahu umat Islam di negara kita terpengaruh dengan fahaman plural yang menyatakan semua agama adalah sama atau fahaman liberal yang bebas tanpa terikat dengan hukum hakam agama seperti yang berlaku di sebuah masjid di Jerman yang mana solat boleh diimamkan oleh lelaki atau perempuan dan mereka yang mendirikan solat boleh menutup aurat ataupun tidak. Masjid ini dibina atas asas kebebasan beragama dan hak asasi manusia.

Mereka cuba mempengaruhi umat Islam agar mengamalkan cara hidup jahiliyyah yang menyimpang daripada syariat Islam. Oleh itu janganlah kita terpedaya dengan tipu daya mereka. Saidina Umar al-Khattab telah mengingatkannya kita tentang maksud jahiliyyah dengan katanya:

إِنَّمَا تُنْقَضُ عُرْيَ الْإِسْلَامِ عُرُوَةً، إِذَا نَشَأَ فِي الْإِسْلَامِ مَنْ لَمْ يَعْرِفْ الْجَاهِلِيَّةَ

Yang bermaksud: Sesungguhnya akan terurai ikatan Islam satu persatu apabila orang yang dibesarkan dalam Islam tetapi tidak mengenali maksud *Jahiliyyah* (*fahaman yang menyimpang daripada ajaran Islam*).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taaala

Dalam usaha membangunkan ekonomi negara yang merdeka, negara kita mestilah mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran, berintegriti dan sanggup berjihad dalam membangunkan negara yang tidak hanya bergantung kepada tenaga asing. Negara boleh terjajah tanpa disedari jika rakyatnya tidak berusaha sendiri dalam memajukan negara.

Oleh yang demikian bersempena dengan menyambut kemerdekaan pada tahun ini, marilah kita bersama-sama bermuhasabah, apakah kita mampu menggalas tanggungjawab menjaga nikmat kemerdekaan negara kita yang telah sekian lama kita kecapi? Marilah kita bersama-sama mengisi kemerdekaan dengan mengamalkan segala tuntutan dan ajaran Islam dalam diri, keluarga dan masyarakat kita seperti mendirikan solat secara berjemaah, menutup aurat, menghadiri majlis-majlis ilmu, menyuruh yang makruf mencegah yang mungkar. Pamerkanlah akhlak yang mulia, pupuklah semangat saling suka bantu membantu antara satu sama lain, hindarilah segala perselisihan yang membawa kepada perpecahan dan akhirnya mengundang kepada hancurnya nikmat kemerdekaan. Pertahankanlah tampuk kepimpinan negara kita supaya sentiasa dipimpin oleh bangsa Melayu Islam yang beriman

dan bertaqwa di bawah naungan Raja Berperlembagaan, kerana kepimpinan yang berdasarkan ketaqwaan sahalalah yang akan menjaga kemerdekaan yang hakiki.

Renungilah Firman Allah Subhanahu Wa Taaala dalam surah Al-Anfal ayat 46

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ
وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Yang bermaksud: *Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantah; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.